

# SALMĀN AL-FĀRISĪ

## (II)

(oleh Dr Ahmad Amīn)

Dalam tahun hijrah yang kelima – ketiga kaum musyrikin yang terdiri daripada berbagi-bagi suku telah bersatu padu dengan kaum Yahudi lalu melanggar Madinah dengan dipimpin oleh Abū Sufiyān – Maka orang-orang Islam mengambil keputusan hendak menyekat serbuan seteru dengan menggali parit (Khandaq) dikeliling bandar Madinah, padahal cara bertahan dengan parit bukanlah adat orang Arab tetapi salah satu tipu daya orang Parsi. Ahli tarikh meriwayatkan bahawa yang mengaturkan supaya digali parit ialah Salmān al-Fārisī.

Pada zaman Sayyidina ‘Umar, Salmān telah diangkat menjadi panglima perang memimpin salah satu anggota tentera Islam melanggar negeri Parsi. Tenteranya pun mengepung salah sebuah kubur musuh dan manakala orang-orangnya minta izin supaya mereka dibenarkan melanggar kubu itu maka Salmān telah melarang sambil berkata: “Biarkan aku dahulu menyeru mereka sebagaimana yang aku dengar Rasulullah (SAW) menyeru mereka”. Salmān pun menyeru tentera Parsi yang bertahan didalam kubu itu ujarnya: “Saya seorang Parsi seperti tuan-tuan tidakkan tuan-tuan melihat orang-orang Arab taat setia kepada saya? Kiranya tuan-tuan memeluk Islam maka tuan-tuan akan mempunyai hak dan kewajiban sebagaimana hak dan kewajiban kami juga, kiranya pula tuan-tuan enggan dan berpegang teguh kepada agama tuan-tuan sendiri, maka tuan-tuan akan dibiarkan dengan syarat membayar jizyah. “Seruannya itu dihalakan kepada mereka dengan bahasa Parsi, tetapi mereka telah menolak seruannya dengan mengatakan: “ Kami tidak mahu memeluk Islam dan tidak

mahu membayar jizyah !”

Melihat keunggulan musuh yang demikian, tentera Islam telah meminta azan kepada Salmān supaya mereka diizinkan melanggar musuh tetapi Salmān tidak juga membenarkan. Ia telah menyeru pihak musuh tiga hari lamanya tetapi seruannya itu tidak dihiraukan. Setelah habis segala ikhtiar maka Salmān pun memerintahkan tentera melanggar kubu musuh dan telah berjaya menawannya.

\*

Perkara yang jelas sekali yang boleh dilihat dalam rupa dan bentuk Salmān ialah ilmunya dan cara hidupnya. Adapun ilmunya ialah manfaati sejarah hidupnya. Yang telah diriwayatkan oleh orang. Ia sangat dalam pengetahuannya berkenaan agama Majusi dan sangat dalam pula berkenaan agama masihi demikian juga pengetahuannya tentang agama Yahudi. Setelah itupun memeluk Islam lalu berhubung dan menampung Islam dalam zamannya yang gemilang daripada Rasul Allah (SAW) sendiri.

Lagi suatu segi daripada ilmu pengetahuannya iaitu peluang-peluang yang telah didapatinya dalam masa hidupnya yang tidak didapati oleh kebanyakan sahabat-sahabat dalam zaman Nabi, ialah pengembaraannya mengelilingi kebanyakan negeri-negeri yang maju, sebelum ia berjumpa dengan Rasulullah (SAW). Ia telah dilahirkan di negeri Parsi dan telah melihat tamadun dan mengenali penduduknya serta mewarisi diarahnya, kemudian ia mengembara ke negeri Syam lalu menyaksikan tamadun Rom dan mengetahui

dari dekat selok-belok negeri itu. Ia juga telah berulang-alik di antara bandar-bandar Mawṣul, nasibnya, ‘Umūriyyah dan lainnya. Ia telah tiba di Madinah dalam umurnya lima puluh tahun.

Pengajiannya tentang agama-agama yang berlain-lain seperti yang dikatakan itu, dan pengalamannya yang banyak setelah puas mengembara sudah tentu menjadikan dia – dengan tidak syak lagi – seorang ahli pengetahuan yang kenamaan di semenanjung Arab.

Pernah Sayyidina ‘Alī ditanya orang dari hal Salmān, lalu Sayyidina ‘Alī menjawab: “siapa lagi yang patut diutamakan oleh tuan-tuan jika tidak orangnya yang berdarjat seperti Luqmān al-Ḥakīm? Orang itu ialah dari golongan kami Ahl al-Bayt, ia telah mengetahui alam yang awal dan alam yang akhir, ia telah membaca kitab yang pertama dan kitab yang akhir”.

Adapun cara hidupan pula, maka ia telah menurut tabiatnya yang tidak renggang daripadanya semenjak ia kecil lagi. Ia telah menjadi seorang yang terkenal dalam agama Majusi, ia telah menjadi paderi dalam agama masihi dan seorang yang kebilangan lagi zuhud di dalam Islam. Kecenderungannya yang demikian itulah yang menjadikan dia menduduki tempat yang istimewa di antara orang-orang sufi.

Rasul (SAW) telah mempersaudarakan Salmān dengan Abū al-Dardā’. Persaudaraan itu dipercayai kerana kecenderungan mereka yang bersamaan kepada zuhud, tetapi Abū al-Dardā’ telah melampaui dalam zuhudnya itu. Ia terus menerus berpuasa pada siang hari dan sembahyang di sepanjang malam, sehingga isterinya gaduh akan perbuatan itu. Salmān pun berkata kepadanya: “Ahli saudara ada mempunyai hak di atas saudara, oleh itu sembahyanglah (yakni sembahyang sunat) pada satu malam dan tidur pada malam yang satu lagi dan puasalah (puasa sunat) pada satu hari dan bukalah

puasa pada hari yang satu pula”. Yakni ibadahnya hendaklah dilakukan dengan berselang- tidak terus menerus, sehingga melupakan anak isteri.

Pada suatu masa tatkala tentera Islam mencapai kemenangan yang cemerlang dan mendapat harta rampasan perang dengan banyaknya maka Salmān telah mendapat bahagian empat ribu dirham tetapi ia telah memberikannya kepada orang lain lalu hidup ala kadarnya.

Pada suatu masa yang lain ia telah diangkat menjadi amir memerintah wilayah “al-Madā’in” (Parsi) tetapi Salmān tidak berubah cara hidupnya, ia tetap berlaku zuhud sebagaimana kebiasaannya. Akhirnya ia meninggalkan jutaan itu kerana tidak sesuai dengan pembawaannya.

Abū al-Dardā’ pula telah bermastautin di Bait al-Maqdis lalu diangkat menjadi hakim. Ia pun menulis surat mengajak Salmān datang ke Baitul Maqdis. Suratnya itu telah dibalas oleh Salmān dengan mengatakan meskipun Baitul Maqdis itu tanah suci tetapi: “sebenarnya bumi tidak menjadikan seseorang itu suci, yang mensucikan manusia ialah alamnya. Saya dapat tahu saudara telah diangkat menjadi tabib, jika saudara dapat menyembuhkan maka berbahagialah saudara. Tetapi jika saudara hanya teraku-aku menjadi tabib maka berjaga-jagalah saudara daripada membunuh seseorang manusia yang sudah tentu balasannya ialah masuk neraka.”

Perkataan “tabib” yang tersebut ialah suatu qiyasnya, kerana seseorang yang berjawatan qadi atau hakim adalah kewajipannya menghapuskan persengketaan manusia, samalah seperti tabib yang mengubati orang sakit.

Tinggallah Salmān di bandar Madā’in sehingga ia wafat di sana pada tahun 35 H dalam masa pemerintahan Sayyidina ‘Uthmān Bin ‘Affān.